

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: 11 Julai 2021 15:27
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Bengkel FGD Mantapkan Penulisan Laporan CIR AACSB




UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

11 JULAI 2021 / 1 ZULHIJAH 1442H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh : Mohd Farhan Ismail
Gambar oleh: Unit Akreditasi AACSB

BENGKEL FGD MANTAPKAN PENULISAN LAPORAN CIR AACSB



UUM ONLINE: Unit Akreditasi AACSB telah mengadakan Bengkel Focus Group Discussion (FGD) secara bersiri iaitu Siri 1 pada 4 hingga 6 Mei 2021, Siri 2 pada 1 hingga 3 Jun 2021 dan Siri 3 pada 7 Julai lalu.

Pengarah Unit Akreditasi AACSB, Prof. Madya Dr. Arpah Abu Bakar, Bengkel FGD yang telah dianjurkan ini memberi gambaran baik bahawa semua pusat tanggungjawab terlibat memberikan komitmen dalam membantu menggerakkan agenda universiti.

Menurutnya, tujuan bengkel itu adalah bagi mendapatkan input daripada pusat pengajian dan pusat tanggungjawab berkenaan untuk menambahbaik dan memantapkan lagi penulisan laporan *Continuous Improvement Review* (CIR) AACSB.

“Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada pengurusan universiti dan Dekan-Dekan serta semua Ketua Pusat Tanggungjawab termasuk pegawai-pegawai yang membantu dalam menyumbang dan memberikan maklumat bagi menyiapkan Laporan CIR ini.

“Diharapkan juga agar Akreditasi AACSB ini dapat dikekalkan lagi untuk UUM bagi 5 tahun akan datang” katanya.

Pada Siri 1 dan 2 lalu melibatkan staf dari Jabatan Pendaftar, Jabatan Bendahari, JPP, UUMIT, RIMC, ICC, IMBRE, CEDI, CUIC, HEP, HEA, RIMC, IPQ, IPIZ, UTLC dan Pusat Kecemerlangan di bawah UUM COB.

Siri ini memfokuskan kepada perbincangan berkaitan proses untuk meningkatkan kualiti dan sumbangan intelektual, *societal impact activities*, pengurusan strategik dan inovasi dan juga sumber fizikal, *virtual* dan kewangan.

Manakala bagi siri akhir FGD, Pengurus Unit Akreditasi AACSB, Prof. Madya Dr. Selamah Maamor telah membuat pembentangan analisa Laporan Assurance of Learning (AoL) bagi Program PhD, DManagement dan Master by Research kepada Timbalan Dekan dan Penyelaras Program di bawah UUM COB serta Pusat Pengajian Siswazah UUM COB.

Pasukan Unit Akreditasi AACSB terdiri daripada Pengarah, Pengurus-Pengurus dan staf pentadbiran begitu komited dalam memastikan setiap perancangan dibuat dapat mengikut jadual yang ditetapkan.

UUM
CORPORATE COMM.

☎ 04-928 3039/3040/3097/3042/3052/3048/3049
☎ 04-928 3053
✉ ukkuum@uum.edu.my
📍 Universiti Utara Malaysia (Official FB)



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.